

SEJARAH WAKAF MASJID MELAYU LEBUH ACHEH, GEORGETOWN

Perkampungan Masjid Melayu Lebuh Acheh telah diwujudkan pada 1792 oleh Tengku Syed Hussain Al-Aidid. Beliau telah membuka dan memajukan sebuah penempatan di Lebuh Acheh dengan mendirikan sebuah masjid, menara, rumah kediaman, deretan rumah kedai, Madrasah Al-Quran dan pusat pengajian. Ia dijadikan sebagai sebuah pusat pengajian agama Islam yang terawal di Pulau Pinang.

Pada suatu ketika dahulu dikenali sebagai '**Jeddah Kedua**' di rantau ini kerana menjadi tumpuan dan tempat berkumpul ratusan bakal haji dari Malaysia, Indonesia dan Thailand sebelum berlepas ke Tanah Suci Mekah dengan kapal laut.

Tanah ini telah diwakafkan sejak dari tahun 1820. Premis asal sebelum pembangunan dilaksanakan adalah **14 unit rumah kedai 2 tingkat di samping sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Melayu Lebuh Acheh.**

IMPAK WAKAF:

- ✓ Masjid yang berusia lebih 214 tahun ini diktiraf sebagai status Warisan Negara oleh Jabatan Warisan Negara pada tahun 2006.
- ✓ Menambah nilai harta wakaf tersebut dengan mempunyai **40 unit kediaman dan premis perniagaan** yang disewakan sebagai ruang perniagaan untuk aktiviti ekonomi umat Islam.

